

Ketelusan kerajaan diterima

BH 13.1.2008 MS13

Penduduk Selangor puas hati kepemimpinan PM, Menteri Besar

Oleh Rohaniza Idris

KUALA LUMPUR: Penambahbaikan sistem penyampaian dan ketelusan serta usaha memerangi rasuah yang menjadi tumpuan Datuk Seri Abdullah Ahmad sejak menjadi Perdana Menteri, diikuti rakyat pelbagai kaum di Selangor.

Mereka juga berpendapat, Abdullah sudah mengambil beberapa langkah melaksanakan apa yang dirancangkannya.



Hasil kaji selidik dijalankan firma penyelidikan tempatan, Merdeka Centre dengan kerjasama The New Straits Times Press (M) Berhad November lalu mendapati 63 peratus daripada 798 responden mengakui kepemimpinan Abdullah manakala 37 peratus menyatakan separuh daripada perancangannya sudah dilakukan.

Peratusan positif itu adalah hasil maklum balas 39 peratus responden Melayu, India (31 peratus) dan Cina (11 peratus).

Selain kepemimpinan Abdullah, kaji selidik itu juga menyoal res-

FAKTA

Maklum balas penduduk mengenai peluang pekerjaan di Selangor



Sumber: Kajian Merdeka Centre dengan kerjasama The New Straits Times Press (M) Berhad

ponden mengenai keberkesanan Menteri Besar Selangor, Mohd Khir Toyo menerajui negeri berkenaan yang mana 48 peratus berpuashati iaitu 66 peratus pengundi India mengakui kepemimpinannya diikuti Melayu (59 peratus).

Mengenai Ahli Parlimen, 66 peratus responden menyatakan mereka mengenali wakil rakyat kawasan masing-masing yang mana 77 peratus pengundi Melayu mengakuinya, India (61 peratus) dan Cina (52 peratus).

Ditanya pencapaian wakil rakyat mereka, 53 peratus menyatakan mereka berpuas hati dengan Ahli Parlimen masing-masing.

Kaji selidik itu turut meninjau urus tadbir negeri berkenaan yang mana hasilnya mendapati, hanya satu peratus merasakan rasuah berleluasa dalam sektor itu manakala 30 peratus lagi menyatakan hanya beberapa orang dalam sektor kerajaan

berbuat demikian.


Sebanyak 54 peratus responden berasakan masalah rasuah di pihak berkuasa tempatan bertambah serius begitu juga di peringkat Kerajaan Negeri (55 peratus) dan peringkat Persekutuan (53 peratus).

Turut ditinjau adalah mengenai isu alam sekitar yang mana 51 peratus menyatakan mereka berpuashati dengan cara kerajaan negeri pimpinan Khir mengekalkan kawasan hijau. Namun 50 peratus responden tidak berpuashati dengan cara kerajaan mengambil tindakan terhadap mereka yang mencemar dan melanggar peraturan alam sekitar.

Perhimpunan Bersih pada 10 November turut ditanya kepada responden yang mana 42 peratus setuju bahawa perhimpunan haram seumpama itu tidak perlu diadakan pada masa depan.

FAKTA

Maklum balas penduduk Selangor mengenai jumlah pendapatan



Sumber: Kajian Merdeka Centre dengan kerjasama The New Straits Times Press (M) Berhad